

DS 5

## PENGUKUHAN PERHUBUNGAN DESA

Cadangan pengukuhan perhubungan desa adalah penting bagi memudahkan pergerakan penduduk dari satu kawasan ke kawasan petempatan yang lain. Jalan penghubung antara desa merupakan komponen yang penting bagi membolehkan masyarakat desa menerima kemudahan di kawasan sekitar.

### DS 5.1: Cadangan Menaik Taraf Jalan Desa

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

##### Justifikasi Cadangan:

- Mewujudkan keselesaan kepada pengguna jalan raya, khususnya masyarakat desa sendiri agar dapat memudahkan penduduk desa menerima akses langsung kepada kawasan kemudahan dan perkhidmatan seperti sekolah dan pekan serta meningkatkan sosioekonomi masyarakat desa.
- Memastikan masyarakat desa mempunyai laluan aksesibiliti yang baik agar tidak berlaku kemalangan atas faktor keadaan jalan raya.
- Rekabentuk dan struktur jalan raya adalah mengikut aktiviti utama kawasan desa seperti kawasan desa yang mempunyai hasil tani yang tinggi.

##### Komponen Cadangan:

- Melebarkan jalan perhubungan antara desa dan kawasan hasil tani dan pelancongan desa.
- Menaik taraf keadaan jalan yang tidak berturap kepada jalan berturap.
- Struktur jalan raya yang baik dan sesuai digunakan bagi setiap masyarakat desa.

##### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta.
- Pengambilan tanah (bagi yang melibatkan tanah persendirian/swasta)
- Insentif seperti pengurangan bayaran cukai atau lain – lain kepada tanah pemilikan swasta.

#### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **71 kampung**.  
(Sila rujuk Jadual 5.34, 5.35 dan 5.36)


#### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
• JPKK	• KPLB
• Pejabat Daerah	• JKR
	• BPEN

#### ANGGARAN KOS

- Kos Pelebaran Jalan Bagi Setiap Kilometer = RM 100,000
- Jumlah Panjang Keseluruhan Pelebaran Jalan = 176.2 KM

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 17,620,000**



## Penemuan Strategik

Cadangan inisiatif **jalan perhubungan desa** adalah melibatkan **lima (5) tindakan strategik** bagi mencapai perancangan **Desa Sejahtera**. Perincian tindakan dan program adalah sebagaimana berikut:

- Mencipta ekosistem yang kondusif bagi meningkatkan produktiviti hasil tani
- Membantu melancarkan pergerakan masyarakat desa atau barang bagi meningkatkan aktiviti ekonomi desa
- Memperkuuhkan rangkaian jalan raya bagi kawasan desa khususnya desa luar bandar.
- Membina jalan raya untuk ketersambungan yang lebih baik di antara kawasan desa kepada kemudahan sekitar.
- Pelaksanaan Projek oleh PBT/Kerjasama Awam-Swasta (PBT, GLC, JPS dan Pemilik Tanah)

Cadangan inisiatif **jalan perhubungan desa** adalah melibatkan **penemuan strategik** bagi mencapai perancangan **Desa Sejahtera**. Perincian penemuan adalah sebagaimana berikut:

- Terdapat tujuh (7) buah kampung yang tidak mempunyai akses yang baik kepada jalan utama.
- Struktur jalan raya bagi sebahagian kawasan desa berada pada tahap yang tidak baik akibat faktor jalan tersebut digunakan sebagai laluan bagi hasil tani.
- Keadaan jalan raya di kawasan ekonomi dan pelancongan desa berada pada tahap yang kurang baik.
- Kawasan desa yang mengutamakan aktiviti pertanian seperti padi dan sawit mengalami kerosakan pada jalan raya.



Foto: Antara keadaan struktur jalan raya yang tidak berturap bagi kawasan pertanian

## Daerah Batu Pahat

Bagi daerah Batu Pahat, hasil daripada analisis dan pemerhatian di atas kawasan kajian, jalan perhubungan desa bagi daerah Batu Pahat berada pada tahap yang baik dan dapat memudahkan pergerakan penduduk desa kepada kawasan sekitar.

Jalan perhubungan desa di dalam daerah Batu Pahat tidak menerima sebarang masalah untuk menghubungkan masyarakat tempatan kepada kemudahan sedia ada dan jalan perhubungan desa ini dapat menyambungkan kawasan petempatan tersebut kepada kawasan petempatan lain. Sebagai contoh, Jalan Muar yang merupakan jalan perhubungan utama dapat menghubungkan kepada jalan desa yang menghubungkan Kampung Parit Senteng Batu, Kampung Parit Lapis Laman, Kampung Parit Laman, Kampung Parit Othman dan Kampung Parit Mustafa.

Saiz kelebaran semasa bagi rangkaian jalan perhubungan desa ini adalah 16 kaki (5.00 meter) dan cadangan kelebaran jalan bagi rangkaian jalan ini adalah kepada 30 kaki (9.14 meter) bagi memudahkan aliran keluar dan masuk kenderaan berat dan ringan. Aliran trafik bagi kawasan tersebut akan bertambah baik.

Jalan penghubung kepada kampung terbabit ini perlu dinaiktaraf daripada saiz pelebaran jalan dan penurapan jalan. Panjang jalan untuk diturap ini adalah 7.09 kilometer dan akan dihubungkan kepada jalan perhubungan desa bagi kampung yang terlibat. Cadangan baru ini akan dapat memberikan impak positif kepada masyarakat melalui rangkaian perhubungan yang baik antara kampung.

Kawasan pertanian padi di kampung Parit Sagil merupakan kawasan pertanian tanaman padi bagi daerah Batu Pahat. Keadaan semasa jalan perhubungan desa bagi kawasan kampung Parit Sagil berada pada tahap kurang baik berikutan daripada jalan tersebut digunakan bagi keperluan hasil tani. Jalan perhubungan tersebut perlu dinaiktaraf bagi membolehkan hasil tani bagi kawasan tersebut mudah untuk membawa hasil tani dan kenderaan berat keluar dan masuk.

Cadangan menaik taraf jalan bagi kawasan tersebut adalah sepanjang 4.02 kilometer dan dapat disambungkan kepada jalan utama.

## Keadaan Semasa Rangkaian Jalan



Foto: Keadaan Semasa Jalan Perhubungan Ke Kampung Parit Sagil  
Sumber: Kajian Hala Tuju Strategik Desa Johor

**Kampung Parit Sagil** merupakan salah satu kampung yang perlu diberi penekanan terhadap pembangunan rangkaian jalan desa. Ini berikutan daripada kajian lapangan rangkaian jalan perhubungan adalah kecil bagi


laluan muatan berat untuk membawa hasil tani. Langkah strategik perlu diambil bagi memastikan sistem rangkaian perhubungan desa di kawasan tersebut dapat dipertingkatkan bagi keselesaan penduduk

Jadual 5.34: Senarai Kampung Daerah Batu Pahat Dinaiktaraf Rangkaian Jalan

<b>CADANGAN LOKASI</b>		
Kampung	Ciri Penaiktarafan	Panjang Cadangan Jalan (KM)
Kampung Parit Lapis	Penurapan Jalan Baru	1.7
Kampung Parit Othman	Penurapan Jalan Baru	1.1
Kampung Parit Mustafa	Penurapan Jalan Baru	1.3
Kampung Parit Bisu	Penurapan Jalan Baru	0.7
Kampung Parit Sidek	Penurapan Jalan Baru	0.3
Kampung Batu Putih	Penurapan Jalan Baru	1.8
Kampung Patah Pedang	Penurapan Jalan Baru	1.4
Kampung Lorong 1 Patah Pedang	Penurapan Jalan Baru	0.6
Kampung Lorong 2 Patah Pedang	Penurapan Jalan Baru	0.8
Kampung Parit Muntaha	Penurapan Jalan Baru	1.5
Kampung Parit Tengah	Penurapan Jalan Baru	1.8
Kampung Parit Sabari	Penurapan Jalan Baru	2.4
Kampung Sungai Berong Laut	Penurapan Jalan Baru	1.6
Kampung Sungai Punggur Laut Barat	Penurapan Jalan Baru	1.2
Kampung Sungai Punggur Laut	Penurapan Jalan Baru	1.1
Kampung Parit Perpat Laut	Penurapan Jalan Baru	0.8
Kampung Parit Belahan Tampuk Laut	Penurapan Jalan Baru	1.0
Kampung Parit Belahan Tampuk Darat	Penurapan Jalan Baru	0.7
Kampung Bagan Tengah	Penurapan Jalan Baru	2.3
Kampung Sungai Bagan Darat	Penurapan Jalan Baru	2.5
Kampung Parit Haji Noor Sungai Bagan	Penurapan Jalan Baru	1.2
Kampung Parit Jambi Darat	Penurapan Jalan Baru	1.6
Kampung Samion Ayer Hitam	Penurapan Jalan Baru	2.8
Kampung Parit Khalil	Penurapan Jalan Baru	2.2
Kampung Parit Semo	Penurapan Jalan Baru	1.4
Kampung Parit Haji Ariff	Penurapan Jalan Baru	1.1
Kampung Dalam	Penurapan Jalan Baru	2.1
Kampung Cahaya Baru	Penurapan Jalan Baru	1.2
Kampung Parit Sagil	Penurapan Jalan Baru	1.5
<b>Jumlah</b>		<b>41.7</b>

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

Rajah 5.22: Cadangan Menaik Taraf Jalan Daerah Batu Pahat



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

#### PETUNJUK:

- Taburan Kampung
- Sempadan Daerah
- Jalan Raya
- Lebuh Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Cadangan Penurapan Jalan

## Daerah Kluang

Bagi daerah Kluang, hasil daripada analisis dan pemerhatian di atas kawasan kajian, terdapat empat (4) buah kampung yang perlu diberi penekanan kepada penaiktarafan dan pelebaran jalan iaitu Kampung Orang Asli Berasau, Pucur, Punjut dan Sedohok.

Kebanyakannya kampung orang asli di daerah Kluang menggunakan jalan pertanian ataupun jalan yang tidak berturap bagi menghubungkan kawasan petempatan mereka kepada jalan utama. Sebagai contoh, kampung orang asli Berasau menggunakan jalan pertanian iaitu laluan bagi kenderaan berat keluar dan masuk bagi hasil tani.

Saiz kelebaran semasa rangkaian jalan ini adalah 27 kaki (8.32 meter) dan cadangan kelebaran jalan bagi rangkaian jalan ini adalah kepada 40 kaki (12.192 meter) bagi memudahkan aliran keluar dan masuk kenderaan berat dan ringan. Ini juga akan membolehkan aliran trafik bagi kawasan tersebut berada pada keadaan yang lancar.

Jalan penghubung kepada Kampung Orang Asli Berasau ini perlu dinaiktaraf daripada jalan berpasir dan tanah merah kepada jalan berturap. Panjang jalan untuk diturap ini adalah 11.4 kilometer dan akan dihubungkan kepada jalan perhubungan desa untuk ke Kampung Orang Asli Punan, Mersing. Cadangan baru ini akan dapat memberikan impak positif kepada masyarakat melalui rangkaian perhubungan yang baik antara kampung.

Kawasan pertanian padi di kampung Teminggol merupakan kawasan pertanian tanaman padi bagi daerah Kluang. Kampung Teminggol juga mempunyai kawasan rekreasi pelancongan dan aktiviti lain. Jalan pertanian tersebut perlu dinaiktaraf bagi membolehkan hasil tani bagi kawasan tersebut mudah untuk membawa hasil tani dan kenderaan berat keluar dan masuk.

Cadangan menaik taraf jalan bagi kawasan tersebut adalah sepanjang 0.83 kilometer dan dapat disambungkan kepada jalan utama.

## Keadaan Semasa Rangkaian Jalan



Foto: Keadaan Semasa Jalan Perhubungan Ke Kampung Orang Asli Berasau

Sumber: Kajian Hala Tuju Strategik Desa Johor

**Kampung Orang Asli Berasau** merupakan salah satu kampung yang perlu diberi penekanan terhadap pembangunan rangkaian jalan desa. Ini berikutan daripada kajian lapangan rangkaian jalan penghubung kepada kampung tersebut berada pada tahap yang tidak memuaskan.


Langkah strategik perlu diambil bagi memastikan sistem rangkaian perhubungan desa di kawasan tersebut dapat dipertingkatkan bagi keselesaan masyarakat di kawasan tersebut.

Jadual 5.35: Senarai Kampung Daerah Kluang Dinaiktaraf Rangkaian Jalan

<b>CADANGAN LOKASI</b>		
Kampung	Ciri Penaiktarafan	Panjang Cadangan Jalan (KM)
Kampung Melayu Bukit Nyamuk	Penurapan Jalan Baru	1.7
Kampung Abu Yahya	Penurapan Jalan Baru	1.1
Kampung Bahagia	Penurapan Jalan Baru	1.3
Kampung Baru	Penurapan Jalan Baru	0.7
Kampung Dato' Abdul Rahman Yassin	Penurapan Jalan Baru	0.3
Kampung Haji Shaari	Penurapan Jalan Baru	1.8
Kampung Ilham	Penurapan Jalan Baru	0.6
Kampung India	Penurapan Jalan Baru	1.1
Kampung Muhibbah Paloh	Penurapan Jalan Baru	1.5
Kampung Sri Timur 1	Penurapan Jalan Baru	0.2
Kampung Sri Timur 2	Penurapan Jalan Baru	0.8
Kampung Sri Timuir 3	Penurapan Jalan Baru	0.4
Kampung Tengah	Penurapan Jalan Baru	2.4
Kampung Orang Asli Sungai Peroh	Penurapan Jalan Baru	1.4
Kampung Teminggol	Penurapan Jalan Baru	0.8
Kampung Orang Asli Berasau	Penurapan Jalan Baru	11.4
Kampung Orang Asli Pucur	Penurapan Jalan Baru	15.1
Kampung Orang Asli Punjut	Penurapan Jalan Baru	10.1
Kampung Orang Asli Sedohok	Penurapan Jalan Baru	9.6
Jumlah		62.3

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

Rajah 5.23: Cadangan Menaik Taraf Jalan Daerah Kluang



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

#### PETUNJUK:

- Taburan Kampung
- Sempadan Daerah
- Jalan Raya
- Lebuhraya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Cadangan Penurapan Jalan

## Daerah Mersing

Bagi daerah Mersing, hasil daripada analisis dan pemerhatian yang dilaksanakan, terdapat dua (2) buah kampung luar bandar yang tidak mempunyai sistem rangkaian jalan yang baik iaitu, Kampung Orang Asli Punan dan Tewowoh.

Bagi cadangan menaik taraf rangkaian jalan ini, fokus penaiktarafan ini harus diperincikan kepada dua (2) buah kampung berkenaan berikutnya tiada akses kepada kampung tersebut. Berdasarkan pemerhatian di kawasan kajian, laluan akses utama bagi menghubungkan kampung tersebut adalah dengan menggunakan laluan jalan pertanian iaitu ladang kelapa sawit yang tidak berturap dengan saiz kelebaran jalan 33 kaki bersamaan 10.31 meter. Cadangan penurapan jalan baru ke kawasan perempatan ini adalah sepanjang 25.4 kilometer.

Bagi kampung orang asli Punan, terdapat beberapa kemudahan di kawasan tersebut antaranya kemudahan pendidikan. Namun, penduduk di kawasan tersebut tidak mempunyai rangkaian jalan yang baik. Keadaan struktur jalan bagi menuju kawasan tersebut masih tidak berturap dan tanah merah. Cadangan menaik taraf jalan tersebut kepada jalan berturap amat penting bagi memudahkan pergerakan masyarakat di kawasan tersebut.

Selain itu, daerah Mersing juga mempunyai kawasan pertanian seperti tanaman padi, getah, kelapa sawit dan sebagainya. Antara kawasan kampung yang mempunyai hasil tani yang tinggi adalah Kampung Semaloi dan Kampung Bukit Pasir. Kedua – dua buah kampung ini terletak berhampiran kawasan tanaman padi bagi daerah Mersing. Cadangan menaik taraf rangkaian jalan bagi kawasan kampung tersebut adalah sepanjang 5.33 kilometer.

Kampung Air Papan juga merupakan kawasan pertanian tanaman padi. Rangkaian jalan semasa bagi kawasan ini perlu dinaiktaraf bagi memudahkan laluan kepada hasil pertanian dan kawasan pelancongan Air Papan. Cadangan rangkaian jalan desa bagi Kampung Air Papan ini adalah sepanjang 4.1 kilometer.

Kampung Tanjung Resang merupakan salah satu kampung yang menyediakan akses ataupun laluan kepada kawasan rekreasi pelancongan iaitu Gunung Arong. Keadaan jalan semasa bagi laluan masuk ke Gunung Arong adalah kecil dan tidak dapat menampung kapasiti kenderaan yang banyak. Cadangan menaik taraf jalan bagi kampung ini adalah sepanjang 0.49 kilometer. Ini akan dapat memberi keselesaan kepada pengunjung dan masyarakat setempat.

## Keadaan Semasa Rangkaian Jalan



Foto: Keadaan Semasa Jalan Raya ke Kampung Orang Asli Punan  
Sumber: [www.laborelec.com](http://www.laborelec.com)

**Rangkaian Jalan Utama** bagi menuju ke Kampung Orang Asli Punan yang menggunakan laluan tanah merah. Keadaan rangkaian jalan semasa juga berada pada tahap yang kurang baik berikutan banyak kenderaan berat keluar


dan masuk menggunakan laluan tersebut. Cadangan menaik taraf jalan di kawasan ini amat penting untuk memudahkan pergerakan penduduk di kawasan tersebut.

Jadual 5.36: Senarai Kampung Daerah Mersing Dinaiktaraf Rangkaian Jalan

<b>CADANGAN LOKASI</b>		
Kampung	Ciri Penaiktarafan	Panjang Cadangan Jalan (KM)
Kampung Atap Zing	Penurapan Jalan Baru	2.4
Kampung Baru Hitam	Penurapan Jalan Baru	1.3
Kampung Buau	Penurapan Jalan Baru	2.6
Kampung Bukit Berut	Penurapan Jalan Baru	1.7
Kampung Busung	Penurapan Jalan Baru	1.2
Kampung Dayang	Penurapan Jalan Baru	1.5
Kampung Duku	Penurapan Jalan Baru	1.4
Kampung Nelayan	Penurapan Jalan Baru	0.7
Kampung Pak Kaleh	Penurapan Jalan Baru	1.1
Kampung Pasir Panjang	Penurapan Jalan Baru	0.6
Kampung Penaga	Penurapan Jalan Baru	1.4
Kampung Pontianak	Penurapan Jalan Baru	0.4
Kampung Sebirah	Penurapan Jalan Baru	1.2
Kampung Sulit	Penurapan Jalan Baru	0.5
Kampung Tagal	Penurapan Jalan Baru	1.1
Kampung Tanjung Balang	Penurapan Jalan Baru	1.8
Kampung Tanjung Busun	Penurapan Jalan Baru	0.8
Kampung Teluk Berhala	Penurapan Jalan Baru	1.7
Kampung Teluk Meriam	Penurapan Jalan Baru	2.4
Kampung Teluk Salleh	Penurapan Jalan Baru	2.5
Kampung Teluk Sebukang	Penurapan Jalan Baru	0.4
Kampung Orang Asli Punan	Penurapan Jalan Baru	25.4
Kampung Orang Asli Tewowoh	Penurapan Jalan Baru	18.1
Jumlah		72.2

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

Rajah 5.24: Cadangan Menaik Taraf Jalan Daerah Mersing



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2 : Johor Tengah), 2020

#### PETUNJUK:

- Taburan Kampung
- Sempadan Daerah
- Jalan Raya
- Lebuh Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Cadangan Penurapan Jalan